

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPE 343 Landskap

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan No. SATU adalah Wajib.

1. Sejarah telah membuktikan bahawa manusia boleh mengubahsui persekitaran landskapnya untuk memenuhi keperluan rohani dan jasmani. Bandingkan usaha kita pada hari ini dengan zaman dahulu dan berikan sebab-sebab sekiranya ada perbezaan.

( 25 markah )

2. Jelaskan perbezaan di antara perancangan landskap dan arkitektur landskap dan

sama ada nyatakan peranan yang boleh dimainkan oleh perancangan landskap di dalam sistem perancangan struktur negara;

ataupun bagaimanakah arkitektur landskap dapat menyumbang kepada kerjaya seorang arkitek profesional?

( 25 markah )

3. Sebutkan dan bincangkan jenis bahan binaan yang biasa digunakan untuk turapan. Apakah faktor-faktor penting yang mempengaruhi rekabentuk dan pembinaan kawasan turapan untuk pejalan kaki?

( 25 markah )

...2/-

4. Sebutkan dan terangkan sumbangan yang boleh dimainkan oleh pokok atau tumbuhan di dalam alam persekitaran. Tunjukkan, dengan bantuan lakaran, bagaimanakah pokok atau tumbuh-tumbuhan boleh diserapkan ke dalam alam binaan?

( 25 markah )

5. Dengan merujuk kepada projek atau tugas yang anda pernah siapkan, sebutkan dan bincangkan langkah-langkah yang perlu dilalui semasa menjalankan kerja-kerja landskap.

( 25 markah )

-ooo00ooo-